



كو-اوپبنك فرساتوان

CO-OPBANK PERSATUAN

# 100 Peratus Patuh Syariah

**M**UTAKHIR ini, masyarakat mula membuka mata terhadap keupayaan koperasi kerana ada antara koperasi di negara ini yang mampu membayar dividen sehingga 20 peratus kepada anggotanya. Sememangnya sudah terbukti, pengendalian koperasi oleh golongan profesional berjaya mengembalikan keyakinan masyarakat untuk menanam modal. Kejayaan sesebuah koperasi bukan sahaja mampu meningkatkan taraf kehidupan anggotanya, malahan berupaya merealisasikan hasrat dan iltizam kerajaan untuk menyusun semula masyarakat menerusi agenda pembasmian kemiskinan dan pengagihan kekayaan negara.

Lebih menariknya, kejayaan dan kegagalan sesebuah koperasi bergantung pada permuafakatan dalam kalangan anggotanya. Selepas kejayaan Bank Rakyat meniti bibir masyarakat, kini kemunculan Co-opbank Persatuan semakin menambat hati pelanggan setelah secara rasminya mendapat pengiktirafan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai bank koperasi.

Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad atau nama asalnya The Province Wellesley Co-operative Banking Union Limited ditubuhkan pada 7 Jun 1950 di Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang. Pada awal penubuhannya, kewujudan Co-opbank Persatuan adalah untuk membangunkan ekonomi anggotanya menerusi konsep tolong-menolong.

Keanggotaannya pula terdiri daripada gabungan 21 buah Syarikat Kerjasama Kampung di Seberang Perai sahaja. Antara aktiviti Co-opbank Persatuan pada masa itu termasuklah membeli dan menjual baja buatan kepada anggotanya bagi membolehkan mereka meningkatkan hasil pertanian masing-masing, di samping memberikan pinjaman kewangan kepada anggotanya untuk membeli ternakan, menyewa tanah, dan menebus atau membeli tanah untuk tujuan pertanian.

Pada tahun 1971, Co-opbank Persatuan mula membuka keanggotaannya kepada orang perseorangan. Kini jumlah keanggotaan individu Co-opbank Persatuan mencecah 62 042 orang dan keanggotaan koperasi pula berjumlah 471 buah dengan jumlah syer berbayar lebih daripada RM343 juta. Setelah meniti usia 66 tahun penubuhannya, kini aset Co-opbank Persatuan mencecah RM1.21 bilion dan beroperasi di 18 buah cawangannya di seluruh negara.



**Datuk Haji Yusra Sabar**  
Pengerusi  
Koperasi Bank Persatuan  
Malaysia Berhad

Banking Industries - Islamic Banking

pg : 32 - 37



**Pada hakikatnya, objektif kewujudan sesebuah koperasi bermotifkan untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata, namun kami sebagai Lembaga Koperasi akan memastikan prestasi kewangan Co-opbank Persatuan meningkat dan memberikan pulangan yang baik kepada anggota.**

"Bagus idea orang dahulu walaupun belum merdeka lagi sudah terfikir kaedah untuk melonjakkan sosioekonomi mereka dengan menggabungkan kekuatan 21 buah koperasi kecil bagi mewujudkan Co-opbank Persatuan. Sepatutnya kita mencontohi amalan dan kesantunan tersebut dengan sikap bantu-membantu dan jangan sesekali berpecah-belah.

Walaupun pada suatu ketika timbul desakan supaya perkataan 'bank' digugurkan kerana dianggap menyalaui peraturan, akhirnya desakan tersebut berlalu begitu sahaja sehinggalah Co-opbank Persatuan mendapat kelulusan BNM untuk menerima deposit dan memberikan pinjaman kepada orang ramai pada 15 September 2014," jelas Datuk Haji Yusra Sabar, Pengerusi Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad ketika ditemui bual oleh sidang editor *Dewan Ekonomi*.

Pada peringkat awal penubuhannya, operasi Co-opbank Persatuan lebih tertumpu di sebelah utara negara, malahan pejabatnya juga terletak di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Logonya yang berbentuk seperti empat penjuru kubah masjid melambangkan kepelbagaian aktiviti organisasi yang berlandaskan prinsip syariah.

"Buat masa ini, Co-opbank Persatuan beribu pejabat di Butterworth, Pulau Pinang, dan andai segala perancangan berjalan dengan lancarnya, ibu pejabat kami akan berpindah ke Kuala Lumpur dalam waktu terdekat, seperti yang disarankan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan BNM. Yang lebih membanggakan, semua produk yang ditawarkan oleh Co-opbank Persatuan 100 peratus patuh syariah, selari dengan visi kami, iaitu

'Menjadi Co-opbank Syariah Terunggul di Malaysia', jelas Datuk Yusra.

Co-opbank Persatuan yang sedang giat mengembangkan operasinya ke seluruh negara optimis bagi meraih keuntungan mencecah RM100 juta dengan bayaran dividen 10 peratus menjelang tahun 2020. Menurut Datuk Yusra, bagi tahun kewangan 2014, Co-opbank Persatuan membayar dividen enam peratus menerusi keuntungan yang dicapai berjumlah RM30 juta.

Sementara itu, bagi tahun kewangan 2015 pula, prestasi Co-opbank Persatuan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila jumlah pengeluaran pembiayaan merekodkan pertumbuhan 31.05 peratus (sehingga Oktober 2015), iaitu RM260 juta berbanding dengan RM200 juta pada tahun 2014. Begitu juga dengan baki pembiayaan yang menunjukkan pertumbuhan sebanyak 15.08 peratus dengan jumlah RM1.2 bilion berbanding dengan RM1.04 bilion pada tahun 2014.

"Berdasarkan asas dan senario tersebut, kami menjangkakan keuntungan Co-opbank Persatuan mencatatkan pertumbuhan yang lebih memberangsangkan berbanding dengan pencapaian tahun sebelumnya. Pada hakikatnya, objektif kewujudan sesebuah koperasi bukanlah bermotifkan untuk memaksimumkan keuntungan semata-mata, namun kami sebagai Lembaga Koperasi akan memastikan prestasi kewangan Co-opbank Persatuan meningkat dan memberikan pulangan yang baik kepada anggota. Oleh sebab itu, kami akan memberikan fokus kepada produk pembiayaan peribadi dan keperluan sektor koperasi serta korporat yang setakat ini melibatkan jumlah pinjaman RM1.4 bilion," tegas Datuk Yusra.

Bagi memastikan Co-opbank Persatuan terus bersaing dan kekal relevan dalam persekitaran perniagaan yang dinamik, beberapa inisiatif dan strategi dilaksanakan untuk mempelbagaikan dan meningkatkan sumber pendapatan melalui segmen pasaran dan produk kewangan yang baharu.

"Lantaran sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, tiga lagi cawangan baharu akan dibuka dalam tempoh tiga bulan ini, iaitu di Negeri Sembilan, Sabah dan Johor. Hal ini bagi mengukuhkan kedudukan Co-opbank Persatuan, di samping merangka idea yang kreatif dan inovatif supaya dapat bersaing dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif ini," tambah beliau lagi.

Sejajar dengan moto "Pelengkap Keperluan Kewangan Anda", pelbagai langkah dirangka untuk menggalakkan pengguna supaya memilih produk yang ditawarkan oleh Co-opbank Persatuan. Antaranya termasuklah memperkenalkan kemudahan mesin teler automatik (ATM) dan mesin deposit tunai (CDM) bagi membolehkan pelanggan membuat transaksi perbankan dengan mudah dan cepat.

Selain itu, kemudahan "JomPAY" diperkenalkan supaya anggota dan pelanggannya mudah membuat transaksi penambahan syer, bayaran ansuran bulanan dan pemindahan dana ke dalam akaun simpanan melalui internet atau telefon bimbit. Kemudahan "JomPAY" ini dapat dinikmati melalui 42 buah institusi kewangan di seluruh negara.

"Bermula pada tahun 2015, kami memperkenalkan pelbagai lagi produk kewangan, termasuklah perniagaan *ar-rahnu*, tukaran wang asing, pembiayaan korporat dan koperasi, takaful, penulisan wasiat serta pendapatan berasaskan fi. Antara produk kewangan yang mendapat sambutan ramai termasuklah pembiayaan peribadi. Sehubungan dengan itu, kami menawarkan inisiatif yang menarik seperti kadar faedah yang rendah berserta pakej perlindungan takaful dan yuran proses tidak dikenakan kepada kakitangan kerajaan, GLC dan badan berkanun.

"Sementara itu, pada awal tahun 2016, kami memperkenalkan sistem pembiayaan peribadi secara dalam talian bagi membolehkan pemohon luar bandar atau yang menghadapi kekangan masa untuk datang ke cawangan kami dapat memohon pembiayaan dengan mudah dan cepat," kata Datuk Yusra.

Suasana ekonomi yang kurang stabil dan persaingan yang semakin mencabar pastinya memberikan kesan kepada prestasi untung rugi sesebuah institusi kewangan. Demikian juga dengan prestasi kewangan Co-opbank Persatuan yang bukan sahaja agak terjejas dengan kesuraman ekonomi domestik, malah perlu bersaing dengan institusi kewangan lain yang menawarkan perkhidmatan yang hampir sama. Namun begitu, pengurusan tertingginya amat yakin Co-opbank Persatuan akan mampu bersaing dalam sektor kewangan dengan memberikan penekanan kepada kualiti perkhidmatan, di samping memperkenalkan produk baharu yang menepati cita rasa pelanggan.

"Dalam keadaan susah kita mesti lebih pandai berniaga. Elakkan risiko yang tidak tentu arah. Tawarkan produk yang dikehendaki pengguna serta wujudkan suasana yang mesra dan dekat dengan pelanggan agar mereka berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan. Selain itu, Lembaga Koperasi Co-opbank Persatuan juga mengarahkan pihak pengurusan supaya pinjaman yang sudah diluluskan mestilah dibuat pembayaran dalam tempoh tiga hari. Kemudian sediakan hadiah yang menarik kepada pelanggan sebagai tanda terima kasih. Di samping itu, talian bebas tol juga diperkenalkan supaya pelanggan dapat menghubungi ibu pejabat untuk bertanya apa-apa soalan tanpa dikenakan sebarang kos panggilan," katanya lagi.

Menurut Datuk Yusra, bagi mengekalkan kesetiaan anggotanya, Co-opbank Persatuan turut menyediakan manfaat keanggotaan seperti skim khairat kematian, bantuan rawatan perubatan, bantuan kebajikan rumah, bantuan pembedahan penyakit kronik, bantuan derma, dan hadiah keanggotaan 20 tahun. Skim dermasiswa Dato' Haji Yusoff Hilmi turut diberikan kepada anak anggota yang cemerlang dalam pelajaran dan yang akan melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Modal insan merupakan salah satu elemen penting bagi melonjakkan produktiviti. Selari dengan objektif Co-opbank Persatuan untuk mencapai aset RM3 bilion dan pembayaran dividen 10 peratus pada tahun 2020, maka beberapa langkah diambil dan dilaksanakan. Menurut Datuk Yusra, antara langkah tersebut termasuklah menerapkan budaya *Personel Responsibility in Delivering Excellence (PRIDE)* dalam kalangan staf.

PRIDE dapat ditakrifkan sebagai kepuasan atau keseronokan yang dinikmati oleh diri sendiri dan seterusnya memberikan kebanggaan yang baik terhadap setiap kerja yang dilakukan. Budaya PRIDE ini juga perlu dilengkapi dengan elemen dalam kalangan staf supaya mereka dapat berfikir secara proaktif, kreatif, inovatif, dan lebih penting lagi mempunyai ciri keusahawanan.

"Selain itu, Co-opbank Persatuan juga menggalakkan budaya kerja berprestasi tinggi dengan menawarkan kenaikan pangkat dan imbuhan berdasarkan prestasi dan sasaran kerja tahunan. Dalam pada itu, kami juga menyediakan kursus dan

**Kami menawarkan inisiatif yang menarik seperti kadar faedah yang rendah berserta pakej perlindungan takaful dan yuran proses tidak dikenakan kepada kakitangan kerajaan, GLC dan badan berkanun.**

latihan kepada staf untuk menggalakkan proses pembelajaran yang berterusan," jelas beliau lagi.

Sepanjang penubuhannya, Co-opbank Persatuan belum pernah mengalami kerugian walaupun dihimpit dengan naik turun ekonomi. Pengurusan Co-opbank Persatuan memberikan penekanan berhubung dengan aspek pematuan, pemantauan, dan kawalan dalaman. Segala aspek Standard Operating Procedure (SOP) dan Garis Panduan Operasi (GOP) sentiasa dikemas kini agar lebih sistematik dan berkesan.

"Pengesanan awal (*preemptive*) merupakan pendekatan yang amat berkesan untuk meningkatkan pematuan terhadap isu perundangan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat. Pendekatan ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan Co-opbank Persatuan mampu mengekalkan keuntungannya. Misalnya, pemantauan yang teliti dilakukan dengan mengetatkan penilaian bagi setiap permohonan pembiayaan agar risiko kerugian tidak berlaku," tambah Datuk Yusra.

Bagi menghadapi suasana ekonomi yang semakin mencabar pada tahun 2016, Co-opbank Persatuan akan melancarkan produk baharu yang

berasaskan barangan pengguna. Dua pakej akan ditawarkan, iaitu pakej pertama meliputi barangan pengguna, seperti pembelian barangan elektrik, kelengkapan rumah dan motosikal, manakala pakej kedua pula merangkumi pembiayaan deposit 10 peratus perumahan, termasuk pembiayaan ubah suai rumah. Pakej yang kedua ini tertakluk untuk perumahan kos rendah, kos sederhana dan mampu milik sahaja.

Sememangnya pengiktirafan Co-opbank Persatuan sebagai institusi kewangan membuktikan komitmen dan kesungguhan warga kerjanya untuk mengangkat martabat organisasi tersebut ke tahap yang lebih tinggi dan unggul. Pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana perlu memenuhi segala syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh SKM dan BNM. Tempoh 66 tahun merupakan jangka masa yang cukup panjang untuk membina dan memperkuatkan kepercayaan anggota dan masyarakat. Kedudukannya sebagai sebuah daripada 10 koperasi terbaik bagi tempoh lima tahun berturut-turut membuktikan pencapaian prestasi kewangannya yang memuaskan dan menunjukkan peningkatan keuntungan saban tahun. ●

Jadual 1. Produk perbankan Co-opbank Persatuan.

Bil.	Produk	Pembiayaan/Manfaat
1.	Pembiayaan Persendirian-i Lestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sehingga RM200 ribu</li> <li>3.90 peratus</li> <li>Tempoh 10 tahun</li> </ul>
2.	Pembiayaan Perumahan-i Al-Amani	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh 35 tahun atau</li> <li>Umur 65 tahun</li> <li>Margin pembiayaan 90 peratus</li> </ul>
3.	Pembiayaan Hartanah-i Ar-Rahah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh 35 tahun atau</li> <li>Umur 65 tahun</li> <li>Margin pembiayaan 90 peratus</li> <li>Terbuka kepada kakitangan kerajaan, GLC, badan berkanun, swasta terpilih dan bekerja sendiri</li> <li>Tanah Rizab Melayu diterima</li> </ul>
4.	Pembiayaan Koperasi dan Korporat-i Ar-Rahnu Bank Persatuan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh 15 tahun</li> <li>70 peratus daripada nilai emas</li> <li>Had pembiayaan sehingga RM50 ribu</li> <li>Kadar upah yang rendah</li> </ul>
5.	Akaun Simpanan-i al-Wadiah Hasanah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skim Simpanan pendidikan</li> </ul>
6.	Keanggotaan Individu dan koperasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Skim Khairat Kematian</li> <li>Skim Dermasiswa Dato' Haji Yusoff Hilmi</li> <li>Manfaat kebajikan</li> <li>Zakat Asnaf Fisabilillah</li> </ul>

Jadual 2. Pencapaian 2010 hingga 2014.

Bil.	Perkara (Dalam RM 000)	2010	2011	2012	2013	2014
1.	Aset	836 287	911 825	1 123 106	1 210 944	1 440 775
2.	Modal syer	367 485	386 597	385 523	361 037	343 446
3.	Pembiayaan	545 670	692 316	876 703	1 000 022	1 042 192
4.	Deposit	386 568	445 471	647 524	705 281	1 003 245
5.	Keuntungan	35 178	29 870	31 106	26 296	27 361
6.	Zakat	600	2 537	1 505	690	1 000
7.	Kadar dividen	6.5 %	6 %	6 %	6 %	6.25 %
8.	Jumlah dividen	21 148	22 580	22 680	21 905	21 110
9.	Bilangan anggota individu	55 196	61 506	63 109	66 177	69 042
10.	Bilangan anggota koperasi	352	400	417	442	471

Jadual 3. Anugerah dan pencapaian Co-Opbank Persatuan.

Tahun	Anugerah
2014	Pengiktirafan sebagai Co-opbank Pertama di Malaysia
2014	Tempat Kesembilan daripada 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2014
2013	Tempat Kesembilan daripada 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2013
2012	Tempat Kelapan daripada 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2012
2010	Anugerah Koperasi Cemerlang (Kluster Besar) Sempena Hari Koperasi Negara 2010
2008	Anugerah Sijil Penarafan Koperasi 4 Bintang oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia
2007	Anugerah Kualiti Koperasi sempena Sambutan Hari Koperasi Negara 2007 Peringkat Negeri Pulau Pinang
2003	Anugerah Penghargaan Khas Kualiti Perdana Menteri Sektor Sosioekonomi oleh Jabatan Perdana Menteri
2003	Anugerah Utama Koperasi Negeri Pulau Pinang
2001	Anugerah Pencapaian Milenium Koperasi Kategori Jumlah Aset Terbanyak peringkat Negeri Pulau Pinang

Jadual 4. Program tanggungjawab sosial Co-opbank Persatuan.

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Majlis sumbangan zakat perniagaan kepada tiga buah maahad tahfiz	1.8.2015
2.	Majlis penyerahan zakat perniagaan kepada anak yatim dan fakir miskin Parlimen Permatang Pau	14.7.2015
3.	Majlis penyerahan zakat perniagaan kepada Maahad al-Imam An nawawi	14.7.2015
4.	Sumbangan untuk Program Ziarah Kasih Sayang sekitar Seberang Perai, Pulau Pinang	3.5.2015
5.	Majlis penyampalan peralatan sekolah kepada mangsa banjir SK Kuala Dong, Raub, Pahang	15.12.2015
6.	Majlis tahli dan penyerahan sumbangan kepada SMA Manabil'ul Ulum, Kubang Semang, Pulau Pinang	30.9.2014
7.	Majlis Penyerahan Hasil Kutipan Tabung Kemanusiaan Palestin Media Prima	26.8.2014

Modal insan merupakan salah satu elemen penting bagi melonjakkan produktiviti. Selari dengan objektif Co-opbank Persatuan untuk mencapai aset RM3 bilion dan pembayaran dividen 10 peratus pada tahun 2020, maka beberapa langkah diambil dan dilaksanakan.

Sepanjang penubuhannya, Co-opbank Persatuan belum pernah mengalami kerugian walaupun dihimpit dengan naik turun ekonomi. Pengurusan Co-opbank Persatuan memberikan penekanan berhubung dengan aspek pematuan, pemantauan, dan kawalan dalaman.